

**UICI 2022: SAINS, TEKNOLOGI DAN  
MANUSIA**

**MANUSIA MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM DAN  
SAINS (1)**

Pensyarah:

Akmaliza Abdullah

Farahwahida Yusof

Arieff Salleh Rosman

# SINOPSIS

❑ Konsep manusia dan teori kejadiannya

❑ Proses penciptaan manusia menurut perspektif Islam dan sains

❑ Its Historical Development

❑ Basic Principles of Islamic Science & Technology

# TEORI KEJADIAN MANUSIA

## PLATO

- Wujud manusia di alam idea (asal) dan wujud di alam nyata
- Kebahagiaan sempurna tercapai apabila sampai ke alam idea

## ARISTOTLE

- Wujud sebenar manusia ialah di alam nyata
- Terangkum sifat segala benda wujud – vegetativ, sensitif, rasional. Rasional (ruh) tidak mati

## LA METTRIE

- Manusia adalah mesin (*l'homme machine* atau *man a machine*)
- Bahan tanpa jiwa boleh bergerak tetapi jiwa tanpa bahan tidak mungkin bergerak. Manusia hanyalah bahan benda atau material semata-mata

# TEORI KEJADIAN MANUSIA

## FEURBACH

- Wujud hanyalah alam. Manusia merupakan benda alami, iaitu yang berasal daripada alam semulajadi
- Arah tujuan hidupnya ialah mengikut kecenderungan alam, menerima dunia; menolak agama dan metafizik

## KARL MARX

- Manusia tidak bererti tanpa masyarakat
- Manusia hidup ditentukan keadaan ekonomi. Kekuatan material penentu kelangsungan hidup.

## SIGMUND FREUD

- tingkah laku manusia didorong oleh hasrat seksualiti
- peringkat kesedaran jiwa: sedar (*conscious*), prasedar (*preconscious*), dan tidak sedar (*unconscious*)

# UNSUR KEJADIAN MANUSIA MENURUT ISLAM

RUH

JASAD




AKAL

HATI

NAFSU

# PROSES PENCIPTAAN MANUSIA



Penciptaan  
ADAM

Penciptaan  
HAWA

Penciptaan  
ANAK CUCU  
ADAM

# PENCIPTAAN ADAM A.S.

- *Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam daripada tanah lalu berfirman yang bermaksud kepadanya: Jadilah engkau! Maka jadilah ia.*

(Ali Imran 3: 59)



# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN ADAM A.S.

## TANAH (*TURAB*)

- *Abu Musa al-Ash'ari melaporkan: Nabi Muhammad berkata: Allah S.W.T. telah menjadikan Adam daripada segenggam tanah yang telah dikumpul daripada sekalian bumi, maka datang anak cucu Adam mengikut jenis dan sifat tanah. Ada dalam kalangan mereka itu berwarna merah, putih, hitam dan ada dalam kalangan mereka yang bersifat lembut, kasar, jahat, dan baik (hadis riwayat al-Tirmidhi)*

## SARI TANAH (*TIN*)

- Izrail diperintah menguli tanah dengan air busuk, air tawar, air masin yang kemudiannya menjadi tanah liat, diperam
- Keragaman perangai manusia

## LUMPUR HITAM (*HAMA'IM MASNUM*)

- sari tanah yang telah dicampurkan dengan air itu tadi diperam sehingga ia bercampur aduk, maka akan terbentuklah lumpur hitam
- Disebut 3 kali dalam al-Quran

# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN ADAM A.S.

## TANAH LIAT KERING (SALSAL)

- Lumpur hitam kering menjadi *salsal*
- *Dia mencipta manusia (lembaga Adam) daripada tanah liat kering seperti tembikar. (al-Rahman 15:14)*

## PEMBENTUKAN JASAD

- Tanah liat dibentuk jasad Adam dan dibiarkan kering seperti tembikar selama 40 tahun, dan diletakkan di hadapan pintu syurga selama 40 tahun, setahun ditimpa hujan suka cita, setahun ditimpa hujan dukacita

## DITIUPKAN RUH

- *Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya. (Al-Hijr 15:29)*

# PENCIPTAAN HAWWA

- Ibn Abbas melaporkan bahawa Hawwa' telah dicipta oleh Allah S.W.T. daripada satu tulang rusuk sebelah kiri Nabi Adam a.s
- Dinamakan Hawwa kerana diciptakan dari sesuatu yang hidup (*hayy*)
- *Wahai Adam! Tinggallah kamu dan isterimu di dalam syurga dan makanlah daripada makanannya sepuas-puasnya apa sahaja yang kamu berdua sukai (al-Baqarah 2:35)*



# PENCIPTAAN KETURUNAN ADAM

*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada suatu saripati (berasal) daripada tanah. Kemudian kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka maha suci Allah, Pencipta yang paling baik. (AL-Mu'minun 23:12-14)*

# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN KETURUNAN ADAM A.S.

## NUTFAH (GAMET & ZIGOT)

- peringkat persenyawaan antara benih suami dan isteri
- Maksud NUTFAH dalam al-Quran:
  - Nutfah lelaki (gamet lelaki)
  - Nutfah perempuan (gamet perempuan)
  - Nutfah yang bercampur antara nutfah lelaki dan perempuan sehingga menjadi sebati. Ini disebut dalam Al-Quran sebagai 'nutfat al-amshaj' (zigot)

# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN KETURUNAN ADAM A.S.

## 'ALAQAH (EPIGENESIS)

- peringkat '*alaqah* ini berlaku dari hari ke-7 hingga hari ke-21
- Proses:
  - Dari hari ke-7, pembedaan blastosista berlaku. Ia menjadi terbenam keseluruhannya menjelang hari ke-10.
  - Vilus korion wujud buat pertama kalinya menjelang hari yang ke-13 dan 14 dan seterusnya menyelimuti seluruh blastosista serta melekatkan struktur itu ke uterus (rahim) melalui vilus-vilus pengikat.
  - Tangkai penghubung menghubungkan embrio sebenar (diska embrionik) dan selaput-selaput sebenarnya, iaitu amnion dan kantung yolka, dengan selaput luar, iaitu korion.

# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN KETURUNAN ADAM A.S.

## MUDGHAH (SOMIT)

- *Kami telah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada setitis air benih, kemudian daripada sebuku darah beku, kemudian daripada seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya. (al-Hajj 22:5)*
- tahap 'organogenesis' : embrio membahagi kepada 2, 4, 8, 12, 16 sel marula dan blastosista dan seterusnya makhluk manusia (janin) terbentuk.

# 6 PERINGKAT PENCIPTAAN KETURUNAN ADAM A.S.

## 'IZAM (SKLEROTOM)

- *Dan lihatlah pada tulang-tulang itu bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian Kami menyalutnya dengan daging. (al-Baqarah 2:259)*

## LAHM (MIOTOM)

- *Kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (al-Mu'minun 23:14)*

## DITIUPKAN RUH

- Setelah selesai proses-proses tersebut, maka Allah S.W.T. meniupkan roh ke dalam jasad



# RUJUKAN

- Albar, Mohammed Ali. 1992. *Perkembangan manusia menurut Al-Quran dan hadis*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Bucaille, Maurice. 1983. *What is the origin of man? The answers of science and the Holy Scriptures*. Paris: Seghers.
- Ramli Awang. 2001. Manusia menurut Quran dan sains moden, dalam: *Falsafah sains dan teknologi dari perspektif Islam*. t.tp: t.p.